

SEKOLAH MENENGAH PAY FONG
PEPERIKSAAN PENEMPATAN MENENGAH RENDAH SATU
SESI PERSEKOLAHAN 2025
BAHASA MELAYU

Nama : _____

Nombor pusat: _____

Arahan:

- Jawab Bahagian B dan Bahagian C pada kertas soalan ini.

BAHAGIAN B: AYAT YANG SAMA MAKSUD (10%)
Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

1. Pertunjukan itu akan bermula lima minit lagi tetapi penyanyi itu belum tiba jua.

Penyanyi itu masih belum sampai walaupun pertunjukan sudah bermula dalam masa lima minit.	
Penyanyi itu masih belum muncul walaupun pertunjukan itu akan bermula lima minit lagi.	

2. “Belajarlh sungguh-sungguh, jangan sia-siakan usia mudamu,” kata abang kepada saya.

Abang menasihati saya supaya jangan mensia-siakan masa muda dan belajar bersungguh-sungguh.	
Abang memberitahu saya supaya rajin belajar dan jangan mensia-siakan usianya yang muda.	

3. Lantai itu bersih kerana baru disapu oleh ibu.

Ibu menyapu lantai baru itu sehingga bersih.	
Lantai yang baru disapu oleh ibu itu bersih.	

4. Potret yang cantik itu dilukis oleh seorang pelukis yang terkenal.

Pelukis yang terkenal telah menghasilkan potret yang cantik itu.	
Potret yang terkenal itu telah dihasilkan oleh pelukis yang cantik itu.	

5. “Ayah dan ibu saya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun ini,” kata Hakim kepada Faizul.

Faizul memberitahu Hakim bahawa ayah dan ibu saya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun itu.	
Hakim memberitahu Faizul bahawa ayah dan ibunya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun ini.	

BAHAGIAN C: BINA AYAT (10%)
Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.

1.	tentang	
2.	dari	
3.	oleh	
4.	kepada	
5.	ke	

SEKOLAH MENENGAH PAY FONG
PEPERIKSAAN PENEMPATAN MENENGAH RENDAH SATU
SESI PERSEKOLAHAN 2025
BAHASA MELAYU

Nama : _____
Nombor pusat: _____

Tarikh : 12 Oktober 2024 (Sabtu)
Masa : 10.00 Pagi---10.50 Pagi

Arahan:

- Kertas soalan ini mengandungi **TIGA** bahagian, iaitu **Bahagian A** (Soalan Objektif), **Bahagian B** (Memilih Ayat yang sama Maksud) dan **Bahagian C** (Bina Ayat). Anda **PERLU** menjawab semua soalan.
- Jawab **Bahagian A** pada kertas jawaban 'O'
- Jawab **Bahagian B** dan **Bahagian C** pada kertas soalan tersebut.

BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF (80%)

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Nanas atau nama saintifiknya *Ananas Comosus* adalah berasal dari timur Amerika Selatan. Nanas mula dipopularkan oleh golongan bangsawan Eropah dengan menjadikannya begitu eksklusif dengan menanamnya di dalam rumah kaca.

Nanas terbentuk daripada sekumpulan bunga yang bertunas. Daunnya panjang seperti pedang dan berwarna hijau tua. Biasanya, selepas mengeluarkan bunga, nanas boleh dipetik dalam masa enam bulan. Nanas juga dikenali sebagai buah lasak kerana boleh hidup dalam kadar hujan yang tidak tetap. Bagaimanapun, nanas terbaik memerlukan kadar hujan antara 1000 hingga 1500 milimeter hujan setahun dengan kadar suhu sekitar 24 hingga 30 darjah celsius.

Ada pelbagai jenis nanas di Malaysia, tetapi paling popular ialah nanas merah dan nanas hijau. Biasanya nanas ini ditinkan. Selain itu, terdapat juga nanas yang dikenali sebagai nanas Sarawak dan nanas Moris. Nanas jenis ini enak dimakan mentah selain menjadi bahan utama membuat rojak. Suatu ketika dahulu, industri mengetin nanas cukup popular. Industri ini bermula selepas tahun 1900. Walau bagaimanapun, pengeluarannya lebih tertumpu di negara-negara tropika. Kini, pengeluar nanas di dalam tin yang utama di dunia ialah Thailand dan Filipina. Manakala di Malaysia, negeri Johor menguasai 67 peratus daripada pengeluaran nanas negara.

(dipetik daripada Majalah Siswa)

1. Bagaimanakah buah nanas dihasilkan?
A daripada tunas
B daripada buah yang dikacuk
C daripada biji yang berbunga
D daripada bunga yang bertunas
2. Berikut merupakan ciri-ciri buah nanas, **kecuali**
A berbentuk pedang
B berdaun panjang
C terbentuk daripada bunga
D dikenali sebagai buah lasak
3. Mengapakah nanas dikenali sebagai buah lasak?
A kerana nanas tidak memerlukan tanah yang subur
B kerana nanas boleh hidup dalam keadaan iklim yang tidak tetap
C kerana nanas mempunyai kulit yang tebal
D kerana nanas berasal dari negara yang beriklim panas
4. Pengeluaran nanas lebih tertumpu di negara-negara tropika kerana
A rakyat di negara-negara tersebut gemar makan nanas
B kurangnya permintaan nanas di pasaran oleh negara-negara lain
C negara-negara tersebut mempunyai tenaga kerja yang ramai di sektor perladangan
D struktur tanah dan cuaca yang lebih sesuai
5. Pada pendapat anda, mengapakah nanas lebih bertumpu di negeri Johor?
A kerana tanah di negeri Johor sesuai untuk penanaman nanas
B kerana orang Johor gemar makan nanas
C kerana nanas berasal dari negeri Johor
D kerana iklim di negeri Johor sesuai untuk penanaman nanas

Soalan 6 hingga Soalan 40

Pilih jawapan yang paling tepat bagi setiap soalan di bawah.

6. Asam jawa selalu digunakan oleh emak untuk menghilangkan bau _____ ikan air tawar.
A hapak B hanyir C tengik D hancing
7. Tiang-tiang elektrik di tebing itu _____ selepas berlakunya gegaran.
A serong B bengkok C bongkok D condong
8. Wafiy akan terus berusaha _____ cita-citanya untuk menjadi seorang angkasawan belum tercapai.
A sementara B walaupun C apabila D selagi
9. Pertahanan negara perlu diperkuat _____ keamanan negara sentiasa terjamin.
A agar B untuk C hingga D bahawa
10. Polis melepaskan lima _____ tembakan ke arah perompak itu.
A butir B das C biji D pucuk
11. Pemuda itu membeli _____ surat khabar mingguan di kedai Ali.
A sekeping B selebar C senaskhah D sehelai
12. “_____ berasa dukacita jika rakyat berbalah antara satu sama lain,” titah Sultan Alauddin.
A Tuanku B Kalian C Beta D Patik
13. _____ akan hapuskan lanun-lanun yang mencuba mengganas di negeri ini ,” kata Hang Tuah kepada Paduka Bendahara.
A Patik B Tuanku C Hamba D Beta
14. Nasihat pakar motivasi itu _____ memberikan keinsafan kepada orang ramai yang hadir .
A tepat-tepat B benar-benar C bulat-bulat D cepat-cepat
15. Ahli Persatuan Bahasa Malaysia _____ melantik Syakila sebagai pengerusi baharu mereka.
A buah mulut B sebulat suara C jiwa besar D lada api
16. Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas _____ pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sisa-sisa toksik ke dalam sungai.
A terhadap B tentang C bagi D untuk
17. Tanah yang dibaling oleh Azmin itu terlekat _____ dinding rumahnya.
A daripada B dari C pada D di
18. Guru disiplin menegur seorang pelajar yang berpakaian _____ ke sekolah.
A compang-camping B kucar-kacir C calar-balar D kusut-masai
19. _____ itu sering menghulurkan derma kepada anak-anak yatim apabila beliau memperoleh keuntungan dalam perniagaannya.
A Peragawan B Negarawan C Angkasawan D Usahawan
20. Kereta sewa yang kami _____ untuk pergi ke bandar semalam rosak di pertengahan jalan.
A penaik B naiki C menaik D menaiki
21. _____ generasi muda, berbaktilah kamu kepada negara !
A Aduhai B Wahai C Amboi D Hai
22. Datuk Seri Dr.Mahathir Mohamad ialah seorang pemimpin dan tokoh _____ yang ulung pada abad ini.
A olahragawan B sukarelawan C negarawan D budayawan
23. Dia membeli _____ batang pensel untuk diberikan kepada rakan-rakannya sebagai buah tangan.
A tiap-tiap B beberapa C setengah D semua
24. Puan Suzana _____ halaman rumahnya dengan pokok-pokok kaktus.
A keindahan B mengindah C mengindahi D memperindah
25. Encik Jafri sedang memasang sebuah _____ di bilik tidurnya kerana cuaca terlalu panas.
A penghawa dingin B pendingin hawa C hawa pendingin D hawa dingin
26. _____ yang melanggar perintah kerajaan akan dikenakan tindakan tegas .
A Bila-bila B Mana-mana C Siapa D Sesiapa

27. Encik Rauf telah memberikan amaran kepada _____ orang pekerjanya yang didapati menyalahgunakan kuasa mereka.
A kedua-dua B kedua C berdua D dua
28. _____, ambillah wang gaji kamu untuk bulan ini !
A Eh B Amboi C Wah D Nah
29. _____ cara yang sesuai untuk menyimpan disket ini?
A Bilakah B Apakah C Berapakah D Di manakah
30. Perbuatan menerima rasuah dalam kalangan pegawai kerajaan dianggap _____.
A bagai duri dalam daging C umpama sudah diberi betis, hendakkan paha
B seperti anjing dengan kucing D seperti kera kena belacan
31. Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca** yang **betul**.
A "Amboi, baru terpilih mewakili pasukan sekolah, sudah sombong," sindir Norman.
B "Amboi! Baru terpilih mewakili pasukan sekolah, sudah sombong," sindir Norman.
C "Amboi! baru terpilih mewakili pasukan sekolah, sudah sombong," sindir Norman.
D "Amboi, baru terpilih mewakili pasukan sekolah, sudah sombong!" sindir Norman.
32. Pilih **pola ayat** yang **salah** bagi ayat-ayat yang diberikan di bawah.
A Industri pertanian amat penting kepada negara . (FN + FN)
B Beberapa ekor burung merpati sedang makan padi di kawasan itu. (FN+FK)
C Beberapa orang murid akan ke Kuala Lumpur bersama-sama rombongan itu. (FN+FS)
D Rantai emas yang dihadiahkan kepada isterinya itu cantik sungguh. (FN+FA)
33. Gadis yang cantik itu ibarat bidadari.
A jelita B hodoh C tampan D comot
Pilih perkataan sinonim bagi cantik
34. Puan Zaitun amat risau akan penyakit yang dihadapi oleh anaknya.
A takut B sedih C kkuatir D hampa
Pilih perkataan sinonim bagi risau
35. Cikgu Harun menampal jadual harian murid-murid Tahun Enam Tekun di papan kenyataan kelas itu.
A membuang B menanggal C mencampak D menyangkut
Pilih perkataan antonim bagi menampal
36. Zaid kerap pulang ke kampung setiap kali musim cuti sekolah tiba.
A esok B sukar C biasa D jarang
Pilih perkataan antonim bagi kerap
37. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan **betul**.
I Pegawai yang makan suap itu telah ditangkap.
II Perjalanan kami tadi makan masa selama setengah jam.
III Letupan bom itu telah makan beberapa buah bangunan.
IV Kemalangan itu berpunca daripada brek keretanya yang tidak makan.
A I, II, III B I, II, IV C I, III, IV D II, III, IV
38. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan **betul**.
I Liong baru sahaja baik daripada selesema.
II Hubungan Aida dengan Nurul memang baik.
III Almari buruk itu masih boleh baik dan dapat dijual.
IV Kesihatannya masih baik walaupun usianya telah lanjut.
A I, IV B II, III C I, II, IV D II, III, IV
39. Pilih ayat yang **betul**.
I Encik Lee hendak membeli beras sebanyak dua setengah kilogram sempena Hari Raya Aidilfitri.
II Roti di atas meja itu dimakan oleh saya.
III Fatimah duduk di antara Julia dengan Mariam.
IV Mesyuarat itu adalah dari pukul 8:00 pagi hingga 10:00 pagi.
A III, IV B I, II C II, III, IV D I, II, III, IV
40. Pilih ayat yang **betul**.
I Midah termenung bila menerima berita itu.
II Hanim mengambilkan segelas air untuk Ishak.
III Baginda mengurniai beliau bintang kebesaran.
IV Hakim menjatuhkan pencuri itu sebulan penjara.
A II, III B III, IV C II, III, IV D I, III, IV